

PENERBITAN VIDEO TIPS TUKAR KATA LALUAN

EDISI KALINI

- Penerbitan Video Tips Tukar Kata Laluan
- Penambahbaikan Modul Pengurusan Prestasi - MyPerformance
- Penambahbaikan Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai
- Program Turun Padang HRMIS Care



Pada bulan Jun 2023 Video Tips Tukar Kata Laluan HRMIS 2.0 telah diterbitkan dan dimuat naik ke Portal HRMIS dan media sosial HRMIS JPA. Video tersebut boleh dimuat turun di Portal HRMIS 2.0 di bawah tab 'Penerbitan'.



PENGURUSAN KATA LALUAN HRMIS

- Memberi pilihan kaedah kepada semua Pemilik Kompetensi (CO) untuk set semula kata laluan dalam sistem HRMIS melalui kaedah permohonan secara i-E-mel Rasmi atau i-E-mel Alternatif
- Memudahkan Pemilik Kompetensi untuk mengurus sendiri kata laluan tanpa melalui Pentadbir HRMIS Agensi kecuali untuk pilihan E-mel Alternatif
- Memudahkan Pemilik Kompetensi baharu untuk mendapatkan capaian ke HRMIS walaupun yang masih belum mendapat E-mel Rasmi jabatan
- Fungsi set semula Kata Laluan Pengguna melalui E-mel Alternatif adalah fungsi yang disediakan bagi membolehkan Pemilik Kompetensi menggunakan alamat e-mel selain daripada E-mel Rasmi yang direkodkan di dalam HRMIS bagi tujuan login ke sistem HRMIS
- Kata laluan perlu ditukar mengikut standard Polisi Keselamatan Siber (PKS) seperti berikut:
 1. Sekurang-kurangnya 12 aksara
 2. Mengandungi huruf dan nombor
 3. Mengandungi aksara khas (cth: @ \$)
 4. Mengandungi huruf besar dan huruf kecil
- Penggunaan alamat e-mel bukaan rasmi yang direkodkan di dalam HRMIS atau alamat E-mel Alternatif adalah di bawah tanggungjawab Pemilik Kompetensi
- Sekiranya alamat E-mel Rasmi Pemilik Kompetensi masih belum digunakan, sila gunakan fungsi set semula Kata Laluan Pengguna menggunakan alamat E-mel Rasmi untuk melakukan fungsi set semula Kata Laluan HRMIS
- Penggunaan kata laluan telah melebihi tempoh 6 bulan perlu ditukar.

Change Management HRMIS JPA | hrmsZail | Pesutan Prinsip HRMIS JPA | Change Management HRMIS JPA | https://isprb.jpa.gov.my

PENAMBAHBAIKAN MODUL PENGURUSAN PRESTASI

Penambahbaikan Submodul MyPerformance HRMIS 2.0 – Sasaran Kerja Utama (SKU)


Terdapat 6 penambahbaikan yang telah dilaksanakan terhadap submodul MyPerformance HRMIS yang melibatkan peranan Urusetia PPSM, Pentadbir SKU Bahagian, Pentadbir Data Sejarah LNPT dan Pegawai Yang Dinilai.

Maklumat Penambahbaikan


Peranan Urusetia PPSM – Mengemaskini senarai unit organisasi sekiranya terdapat pertambahan unit organisasi baharu di bawah pasukan SKU yang telah diwujudkan.



Peranan Urusetia PPSM – Laporan pemantauan Submodul SKU.



Peranan Pentadbir SKU Bahagian – Carian Pegawai – Pemantauan status bagi setiap sub SKU pegawai.



Peranan Pentadbir Data Sejarah LNPT – Pautan ke senarai SKU pegawai menerusi fungsi Data Sejarah LNPT.

PENILAIAN PRESTASI PEGAWAI KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL - TAHUN 2022			
Bahagian I	Bahagian II	Bahagian III	
Bahagian VI	Bahagian VII	Bahagian VIII	

Pering

V III - PENGHASILAN KERJA (Wajaran 50%)

Penilai dikehendaki memberikan penilaian berdasarkan pencapaian kerja sebenar PYD berbanding dengan SKU/SKT yang ditetapkan. Penilaian menggunakan skala 1 hingga 10:

Kriteria (Dinilai Berasaskan SKT)

Peranan Pegawai Yang Dinilai – Fungsi cetak SKU pegawai dan bilangan maksimum fail dokumen sokongan yang boleh dimuat naik.

Dokumen Sokongan (0)
Maksimum 5 bilangan fail sahaja yang dibenarkan

Catatan Memenuhi Oleh PYD:

- Saya mengesahkan bahawa kenyataan di atas adalah benar
Perhatian : Maklumat Yang Telah Dihantar Untuk Pengesahan Tidak Boleh Dikemaskini
- Saya mengesahkan bahawa penilaian telah dibuat berdasarkan perbincangan dan persetujuan bersama PYD

Cetak **Keluar**

PENAMBAHBAIKAN KEMUDAHAN CUTI TANPA REKOD SEMPENA HARI KAAMATAN DAN HARI GAWAI

Maklumat Penambahbaikan

Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai telah diperuntukkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian SR.5.3.4.

Pentadbir Cuti perlu membuat semakan dan memberi kelayakan kepada pegawai yang berkelayakan seperti yang telah ditetapkan dengan berdasarkan **Surat Edaran JPA. (S)800-1/1/7 JLD.3(16) bertarikh 22 Mei 2023**: Penambahbaikan Kemudahan Cuti Tanpa Rekod Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai.

*** Mandatori**
Sila masukkan nilai 999 untuk Bilangan Hari Kelayakan Cuti yang tiada had kelayakan.

Kategori*	:	Cuti Tidak Berekod
Jenis Cuti *	:	Pesta Kaamatan
Bil Hari Kelayakan Cuti*	:	1
Cuti Diambil*	:	0
Jumlah Kali Diambil	:	
Baki	:	1

SIMPAN **SET SEMULA** **BATAL**

PROGRAM TURUN PADANG HRMIS CARE

Salah satu daripada aktiviti libat urus yang dilaksanakan oleh Bahagian Digital dan Teknologi Maklumat (BDTM), JPA adalah Program Turun Padang HRMIS Care. Program ini diadakan bertujuan untuk memberi peluang kepada agensi mengutarakan sebarang isu atau masalah yang dihadapi berkaitan dengan HRMIS di agensi masing-masing serta agensi di bawah seliaan. Ia merupakan sesi *one-to-one* antara JPA dan agensi.

Bagi tempoh April – Jun 2023 terdapat 3 agensi yang terlibat iaitu :-

- Kementerian Pengangkutan Malaysia
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak



**Kementerian
Pengangkutan
Malaysia**
13 April 2023

**Pejabat Setiausaha
Kerajaan Negeri Pulau
Pinang**
23-26 Mei 2023



**Pejabat Setiausaha
Kerajaan Negeri Perak**
22 Jun 2023

